



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / PUKONSA / Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut:-

Bil.	Pejabat Yang Memanggil Tender	Nombor Tender Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat	Syarat Pendaftaran		Tempat Dan Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Tender
				ATAU				
1.	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH	JPS/P/SAB/CPBP/103/2024 PROJEK PENCEGAHAN HAKISAN TEBING SUNGAI PADAS UNTUK MELINDUNGI KOLAM RAWATAN EFFLUENT DI TENOM	Bumiputera / T1	<u>Berdaftar dengan CIDB</u> Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah Gred: G4 Kategori : CE Pengkhususan : CE 21	<u>Berdaftar dengan Pukonsa</u> Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil PUKONSA dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah Kelas C Tajuk: 1 Tajuk Kecil: 1	Kaunter A, Bahagian Kewangan, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) , Aras 3, Block A, Wisma Pertanian Sabah. 15.07.2024 (Isnin) hingga 12.08.2024 (Isnin)	RM100.00 (Tunai/Atas Talian) Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)	Peti Tender Cawangan Ukur Bahan dan Kontrak Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah, Aras 5, Blok B, Wisma Pertanian, Kota Kinabalu, Sabah 12.08.2024 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari
Lawatan Tapak / Taklimat Projek adalah DIWAJIBKAN Berkumpul di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Tenom, Sabah pada 12.07.2024, Jumaat, 09.00 Pagi								

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil PPK, SPKK, PUKONSA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor / Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk tunai atau atas talian kepada **Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS)**. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil Kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (jika berkenaan)** berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Pendaftaran PUKONSA dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

*Jenis Syarikat :

T1 - Syarikat yang 100% milik tempatan

A1 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara tempatan

A2 - Syarikat yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan